

**TEKS UCAPAN PUAN FADILAH BAHARIN,
KETUA PENGARAH JABATAN STANDARD
MALAYSIA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PROGRAM
PERINTIS "SMART PARTNER" HALAL AQL
28 JANUARI 2014, BERTEMPAT
DI HOTEL MARRIOT, PUTRAJAYA**

YBhg. Datuk Samsul Husin

Pengarah Urusan Kumpulan
CENSOF

YBrs. En. Ameer Shaik Mydin

Pengarah Esekutif
CENSOF

YBrs. Puan Fe Jazzareen Mor Japar Khan

Ketua Pegawai Eksekutif
PERSIS Management & Services

Penerima Sijil Program Perintis 'Smartpartner'
Halal AQL, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum wa rahmatullahi wa
barakaatuh dan Salam sejahtera.

YBhg. Datuk/ Tuan-tuan dan puan-puan,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PERSIS Management & Services kerana telah berjaya melaksanakan program pensijilan bagi program perintis '*Smartpartner*' Halal AQL *Certified Industry Foundation Program* (CIFP). Program ini merupakan salah satu daripada inisiatif Jabatan khasnya dan Kerajaan amnya untuk membantu industri dalam pelaksanaan keperluan Halal berdasarkan *Malaysian Standards* (MS) yang

dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) selaku Badan Standardisasi Kebangsaan.

Untuk makluman, YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, program ini merupakan program perintis (*pilot programme*) yang dibiayai sepenuhnya oleh Standards Malaysia di bawah inisiatif *Smart Partners* yang telah dikenal pasti pada tahun 2013 dengan matlamat untuk memupuk budaya kualiti (*quality culture*) di kalangan industri, terutamanya industri Halal di negara ini. Kepentingan budaya kualiti perlu diserap bagi memastikan industri di Malaysia sentiasa berdaya saing dan kredibel demi memastikan Negara lebih kompetitif melalui bidang Halal.

Untuk makluman jua, Malaysia merupakan perintis kepada bidang Halal melalui pembangunan standard halal yang kredibel dan telah diiktiraf serta menjadi penanda aras (*benchmark*) kepada negara-negara luar yang mempunyai pasaran Halal yang sangat meluas.

YBhg. Datuk/ Tuan-tuan dan puan-puan,

Tujuan utama pelaksanaan program pensijilan ini, selain untuk meningkatkan kesedaran industri terhadap kehendak MS halal dan implementasinya, ia juga bertindak sebagai sistem sokongan bagi pihak industri membangunkan kepakaran bidang halal secara lebih *sustainable*.

Program ini juga secara tidak langsung mempromosikan penggunaan Malaysian

Standards kepada industri Halal di negara ini yang sekaligus menunjukkan sokongan daripada pihak kerajaan kepada industri untuk membantu menyediakan tenaga pakar yang mahir dalam menguruskan bidang Halal mengikut hukum syariah dan perkembangan semasa di peringkat global. Saya juga yakin program seumpama ini dapat diperluaskan untuk turut mensasarkan para graduan bagi meminimakan jurang kehendak yang diperlukan pihak industri, di samping menyediakan modal insan berkualiti, yang sekaligus dapat menyumbang kepada 'graduate employability'

YBhg. Datuk/Tuan-tuan/Puan-puan,

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada penerima sijil program perintis '*Smartpartner*' Halal AQL yang seramai 32 orang peserta

daripada kalangan industri kerana telah berjaya di dalam program yang dianjurkan pada Disember 2013 yang lalu. Melalui program ini, para peserta telah melalui modul latihan dan penilaian yang intensif. Ucapan tahniah turut dipanjangkan kepada pihak PERSIS Management & Services dan Knowledgecom Corporation/CENSOF kerana telah berjaya melaksanakan program yang bertaraf antarabangsa sekaligus memangkin industri halal di Malaysia untuk terus berkembang dan lebih kompetitif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dengan pengiktirafan sijil kelayakan '*Certified Halal Quality Associate*' yang diberikan melalui program yang dilaksanakan ini, diharapkan para peserta menggunakan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi untuk membantu

dan menyokong industri halal supaya pelaksanaannya lebih sistematik dan mengikut standard yang ditetapkan. Tambahan, penglibatan para peserta dapat mempromosikan Halal *Malaysian Standards* dan secara tidak langsung bertindak sebagai duta kecil kepada Standards Malaysia.

YBhg. Datuk/ Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas pengiktirafan ini dan berharap semoga program yang telah dilaksanakan ini diteruskan dan dikembangkan supaya lebih ramai tenaga pakar yang kompeten dapat dilahirkan bagi memenuhi kehendak pasaran.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak PERSIS Management & Services

kerana telah menjemput saya ke Majlis ini bagi menyampaikan sijil bagi Program Perintis 'Smartpartners' Halal AQL.

Sekian, terima kasih.